MAKTABAH

Sultan Nazrin turut titah ADUN jaga tingkah laku dalam Dewan

# Tindakan tegas terhadap ekstremis agama, kaum

Oleh SAIFULLAH AHMAD
IPOH

Tindakan tegas perlu diambil segera untuk menghentikan aktiviti mana-mana pihak yang meracuni fikiran serta membakar emosi rakyat dengan mengeksploitasi isu-isu agama dan kaum, titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Sehubungan itu, baginda menyifatkan tindakan segera oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) pascapilihan raya mengambil langkah-langkah preventif untuk menjamin ketenteraman awam merupakan tindakan yang tepat.

Jelas baginda, persefahaman serta hubungan yang harmoni antara kaum merupakan faktor penentu untuk menjamin suasana hidup bernegara dan bernegeri yang aman dan harmoni.

"Oleh yang demikian pandangan ekstrem berunsur kaum dan agama, berbentuk hasutan yang boleh menyemaikan rasa benci serta berpotensi mencetuskan permusuhan sesama warga wajib dihentikan.

"Bumi ini tidak boleh dibenarkan untuk disemai dengan rumpai-rumpai beracun yang boleh membunuh pohon perpaduan. Langit di negeri ini jangan sama sekali dibenarkan untuk diselubungi awan-awan berasid yang akan menghujani bumi dengan fahaman ekstremis berlandaskan perkauman dan berpaksikan agama," titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah demikian sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Tahun Pertama Dewan Negeri Perak ke-15 di Dewan Undangan Negeri, Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini pada Selasa.

Turut berangkat, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Baginda turut bertitah agar agihan peruntukan perlu dibuat secara adil kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) demi kepentingan rakyat.

Baginda bertitah, rakyat tidak harus dihukum dengan terpaksa menanggung kesusahan, sebaliknya kepentingan dan kebajikan mereka perlu sentiasa diutamakan.

Menurut baginda, ADUN yang dipilih juga perlu memenuhi tanggungjawab yang telah amanahkan dengan ikhlas, jujur, adil dan saksama berlandaskan perlembagaan.

"Jauhi sifat-sifat angkuh dan bongkak dengan tidak mengamalkan budaya yang menang, menang semua, sebaliknya, hendaklah bersifat adil mengagihkan peruntukan dan melaksanakan program pembangunan secara saksama tanpa prejudis, tanpa diskriminasi, tanpa penindasan kepada mana-mana pihak.

Pada masa sama, baginda mengingatkan semua ADUN bahawa mereka mempunyai tanggungjawab memelihara kemuliaan Dewan Undangan Negeri dengan menjaga tingkah laku.

"Ahli-Ahli Dewan Negeri mempunyai tanggungjawab untuk memelihara kemuliaan Dewan ini, menjadikannya dewan syura yang penting lagi dihormati, membincangkan perkara-perkara yang substantif dalam adab dan budaya yang tertib lagi bersopan, tanpa perlu menggunakan kata-kata yang tidak sopan atau meninggikan suara," titah baginda lagi.

FOTO: URUSETIA DUN PERAK




Sultan Nazrin bertitah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Tahun Pertama Dewan Undangan Negeri Perak ke-15 di Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh pada Selasa.